

01 JUL 2001

Mahathir-Hudud

HUKUM ISLAM DILAKSANA IKUT KEMAMPUAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan melaksanakan hukum Islam mengikut setakat yang mampu dalam sebuah negara yang bukan seratus peratus rakyatnya beragama Islam.

Dengan lain perkataan, kerajaan melaksanakan hukum Islam itu dengan mengambil kira keadaan dalam negara, katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan seorang mahasiswa Universiti Malaya (UM) semasa sesi dialog pada majlis penutupan Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di Auditorium Perdana Siswa, Universiti Malaya di sini, hari ini.

Kerajaan telah menjalankan kajian mengenai pelaksanaan hukum hudud dan mendapati tiada sebuah pun negara Islam di seluruh dunia mampu melaksanakan sepenuhnya hukum hudud itu, katanya.

"Kalau adapun hanya sekerat-sekerat," katanya ketika menjelaskan tuduhan pemimpin PAS bahawa kerajaan sekarang dianggap kafir dan sekular kerana tidak melaksanakan hukum hudud.

Beliau berkata, bukan mudah untuk melaksanakan hukum hudud pada zaman ini, misalnya dalam kes rogol kita perlu cari empat saksi yang tidak berdosa besar.

"Apakah empat orang tidak berdosa besar hanya duduk melihat orang dirogol tanpa buat apa-apa, panggil polis, kalau hendak tunggu empat ini menjadi saksi, kita tidak akan capai keadilan sedangkan keadilan sesuatu yang dituntut Islam," katanya.

Di Afghanistan walaupun penduduknya hampir 100 peratus beragama Islam tetapi tidak dapat melaksanakan hukum berkenaan kerana satu pertiga daripada penduduknya menolak puak Taliban yang mengambil alih pemerintahan negara itu.

"Kita percaya kita dilandaskan sebenar dan akan teruskannya kerana kita tahu apa yang perlu dibuat untuk kebaikan negara kita," katanya.

PAS menggunakan isu hukum hudud sebagai alasan tidak boleh bersama dengan Umno untuk membincangkan masalah orang Melayu yang semuanya beragama Islam, dan ini menunjukkan hudud tidak lebih daripada isu politik PAS.

Dr Mahathir berkata, Timbalan Presiden PAS Abdul Hadi Awang pernah berkata bahawa hudud hanyalah 0.001 peratus daripada undang-undang Islam dan dianggap kecil tetapi pada masa yang sama menganggap kerajaan sebagai kafir dan sekular kerana tidak melaksanakannya.

Beliau berkata, Hadi pernah menjelaskan apabila ditanya seorang wartawan mengenai negara Islam yang bagaimana mahu dilaksanakan oleh PAS sama ada seperti di Iran, Arab Saudi atau Taliban, beliau menjawab: "Di Malaysia berlainan, kita bukan 100 peratus Islam, ada bukan Islam."

Dr Mahathir mempersoalkan mengapa sebelum ini PAS mahu melaksanakan hukum hudud tanpa mengambil kira rakyat bukan Islam tetapi sebaliknya kini mengambil kira penganut agama lain pula.

-- BERNAMA

RZS AFY PR